



## **SOALAN LAZIM (FAQ)**

### **BERKAITAN GARIS PANDUAN PEMBUKAAN SEMULA PRASEKOLAH**

### **KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

- 1. Adakah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan garis panduan berkaitan dengan pembukaan semula prasekolah?**

Ya. Garis Panduan Pembukaan Semula Prasekolah telah disediakan untuk rujukan dan panduan pentadbir, guru, pembantu pengurusan murid dan ibu bapa / penjaga melibatkan kelas prasekolah / tabika / tadika Kerajaan serta swasta. Garis panduan ini boleh dimuat turun dari pautan berikut:

<https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/buka-semula-prasekolah>

- 2. Adakah pihak prasekolah / tabika / tadika boleh mewajibkan kehadiran murid?**

Tidak. Kehadiran murid bergantung pada kesediaan ibu bapa / penjaga untuk menghantar mereka ke prasekolah / tabika / tadika.

- 3. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya ibu bapa / penjaga tidak bersedia untuk menghantar anak ke prasekolah / tabika / tadika?**

Ibu bapa / penjaga hendaklah memaklumkan kepada pentadbir prasekolah / tabika / tadika.

**4. Adakah murid dibenarkan membawa beg sekolah dan bekas makanan / minuman?**

Tidak. Jika ada keperluan untuk transit, ibu bapa / penjaga perlu menyerahkannya terus kepada guru / Pembantu Pengurusan Murid (PPM).

**5. Adakah ibu bapa / penjaga boleh membekalkan makanan kepada anak yang mempunyai alahan?**

Ya, dengan kebenaran pentadbir dan diserahkan terus kepada guru / PPM.

**6. Adakah perabot, bahan dan peralatan kelas prasekolah / tabika / tadika perlu disusun atur semula mengambil kira keperluan penjarakan sosial?**

Ya. Perabot hendaklah disusun semula berdasarkan keluasan ruang bilik darjah dan mematuhi penjarakan sosial.

**7. Apakah kaedah yang boleh digunakan sekiranya prasekolah / tabika / tadika tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk menampung kehadiran semua murid mengambil kira keperluan penjarakan sosial?**

Pentadbir boleh menyusun jadual kehadiran murid ke prasekolah / tabika / tadika berdasarkan kepada bilangan guru serta kapasiti sedia ada.

- 8. Adakah tadika swasta dibenarkan untuk menggunakan premis tambahan sekiranya ruang kelas tidak mencukupi untuk menampung jumlah murid selepas mengambil kira penjarakan sosial?**

Ya. Pengusaha tadika swasta perlu mendapat kelulusan premis tambahan daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) menggunakan prosedur sedia ada.

- 9. Bagaimanakah Aktiviti Luar yang ditetapkan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) dilaksanakan?**

Aktiviti Luar hanya boleh dilaksanakan di persekitaran kelas dengan mengamalkan penjarakan sosial.

- TAMAT -